



**1033 ANALISIS HURAIAN SUFISTIKTERHADAP HADIS (PENOLAKAN PERKARA BIDAHAH) OLEH AL-TAFTAZANI (792H) DI DALAM AL-ARBA 'IN AL-NAWAWIYYAH SERTA PERBANDINGANNYA DENGAN HIKAM MELAYU TOK PULAU MANIS**

ROSNI BINTI WAZIR

Pensyarah Jabatan al-Quran dan al-Sunnah

Fakulti Pengajian Peradaban Islam

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor,

Email: [rosni@kuis.edu.my](mailto:rosni@kuis.edu.my)

**ABSTRAK**

*Bidaah adalah satu bentuk amalan yang ditolak oleh Islam, bahkan ia ternyata dengan jelas di dalam hadis Nabi SAW. Salah satu hadis yang menyatakan tentang keburukan amalan tersebut adalah hadis kelima di dalam al-Arba'in al-Nawawiyah. Walaupun seringkali bidaah ini dikaitkan dengan amalan tarekat tasawuf, golongan tersebut juga menolak amalan yang ternyata bertentangan dengan al-Quran dan al-Sunnah dengan manhaj dan metode mereka yang tersendiri. Al-Taftazani sebagai seorang tokoh tasawuf turut menyatakan pendirian beliau terhadap perkara ini di dalam kitabnya Syarah Al-Taftazani Ala Al-Ahadith Al-Arba'in Al-Nawawiyah. Oleh itu, penulisan ini melalui pendekatan Kualitatif akan menganalisis huraian sufistik yang dibuat oleh al-Taftazani serta membandingkannya dengan pandangan Tok Pulau Manis di dalam karyanya Hikam Melayu. Karya Hikam Melayu ini dipilih kerana ia dapat menggambarkan konsep dan pemahaman ilmu tasawuf yang mendalam. Hasil analisis menampakkan pendirian al-Taftazani tentang amalan-amalan bidaah, serta pendirian tokoh tarekat tasawuf tentang perkara tersebut iaitu keseimbangan di antara ilmu hakikat dan ilmu syariat adalah sangat penting sebagai asas penolakan amalan-amalan yang bertentangan dengan al-Quran dan al-Sunnah.*

**Kata Kunci** : Tasawuf, Bidaah, al-Taftazani, Al-Arba'in Al-Nawawiyah, Hikam Melayu Tok Pulau Manis.



## **AL-TAFTAZANI DAN SHARH AL-TAFTAZANI 'ALA AL-AHADITH AL-ARBA'IN AL-NAWAWIYYAH**

### *Biodata al-Taftazani*

Nama beliau sebenarnya adalah Mas'ud bin Umar bin 'Abd Allah al-Taftazani al-Harawi al-Syafi'i al-Khurasani atau lebih dikenali sebagai Sa'ad al-Din al-Taftazani 1. Ini adalah nama yang dipersetujui oleh ramai ulama seperti al-Suyuti<sup>2</sup>, Ibn 'Imad<sup>3</sup>, Ahmad bin Mustafa atau dikenali sebagai Tasy Kabari Zadah<sup>4</sup> dan al-Baghdadi<sup>5</sup> serta ramai lagi<sup>6</sup>. Namun begitu, Ibn Hajar al-'Asqalani telah menggantikan nama "Mas'ud" dengan "Mahmud"<sup>7</sup>, dan hanya beliau seorang sahaja yang berpendapat begini dan tidak diketahui sebabnya<sup>8</sup>. Terdapat satu sahaja *kunniyah* yang diberikan kepada al-Taftazani iaitu Abu Sa'id, sebagaimana yang dinyatakan oleh Dr. 'Abd Allah 'Ali al-Mala.<sup>9</sup> Manakala gelarannya pula adalah "Sa'ad al-Din", "Sa'ad al-Millah wa al-Din", "Sa'ad al-Haq wa al-Din" dan "Sa'ad".<sup>10</sup> Nisbah yang paling terkenal untuk tokoh yang bernama "Sa'ad" ini adalah "al-Taftazani", sekaligus membezakan beliau dari ulama-ulama yang lain yang dinisbahkan dengan "al-Taftazani" juga.

---

<sup>1</sup> al-Shawkani, *al-Badr al-Tali' bi Mahasin man Ba'd al-Qarn al-Sabi'* (Beyrut : Dar Ibn Kathir, 2006) 2 : 294. Lihat juga Yusuf bin Taghr Barda al-Atabaki, *al-Manhal al-Safi' wa al-Mustawfa Ba'd al-Wafa*, ed. Dr. Nabil Muhammad 'Abd al-'Aziz (ttc: Markaz Tahqiq al-Turath, 1988), 5 : 190.

<sup>2</sup> Al-Suyuti, *Bughyah al-Wu'ah fi Tabaqat al-Lughawiyin wa al-Nuhah*, ed. Muhammad Abu al-Fadl Ibrahim, cet.2 (Beirut: Dar al-Fikr, 1979), 285.

<sup>3</sup> Ibn al-'Imad, *Shadharat al-Dhahab fi Akhbar man Dhahab*, ed. Mahmud al-Arna'ut (Beirut: Dar Ibn Kathir, 1992), 8: 547.

<sup>4</sup> Tash Kabari Zadah, *Miftah al-Sa'adah wa Misbah al-Siyadah fi Mawdu'at al-'Ulum* (Beyrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1985), 1: 190.

<sup>5</sup> Isma'il Basha al-Baghdadi, *Hadiyyah al-'Arifin Asma' al-Mu'allifin wa Athar al-Muthannifin* (Beyrut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, Lubnan, 1951) 2 : 429

<sup>6</sup> Umar Reda Kahalah *Mu'jam al-Mu'allifin Tarajim Musannifi al-Kutub al-'Arabiyyah* (Beyrut: Maktabah al-Mathna, Dar Ihya' al-Turath, t.t), 12 : 183.

<sup>7</sup> Ibn Hajr al-'Asqalani, *Anba' al-Ghumar bi Abna' al-'Umr fi al-Tarikh*, ed. Dr. Muhammad 'Abd al-Ma'id Khan, cet.2, Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Lubnan, 1986), 2 : 377. Lihat juga Ibn Hajr al-'Asqalani, *al-Durar al-Kaminah fi A'yan al-Mi'ah al-Thaminah*, cet.2 (India : Da'irah al-Ma'arif al-'Uthmaniyyah, 1972), 6 : 112.

<sup>8</sup> Sa'ad al-Din al-Taftazani, *Sharh al-Maqasid*, ed. Dr. 'Abd al-Rahman 'Amirah ( Beirut : 'Alah al-Kutub, 1998), 1 : 75.

<sup>9</sup> 'Abd Allah 'Ali Husyan al-Mala, *al-Taftazani*, 149.

<sup>10</sup> 'Abd Allah 'Ali Husyan al-Mala, *al-Taftazani*, 149.



Al-Taftazani dilahirkan di Taftazan, sebuah kawasan berhampiran Nasa, sebuah bandar berhampiran Khurasan. Ia terletak berhampiran Sarkhas, Marw dan Naysabur. Beliau meninggal dunia pada hari Isnin, 22 Muharram 792H/10 Januari 1390M di Samarqand.

Sekiranya dilihat pada kehidupan al-Taftazani pada kurun ke 8H, kita akan mendapati bahawa beliau dikelilingi oleh imam-imam dan ilmuwan Islam yang hebat kerana ia merupakan zaman kecemerlangan fikrah Islam dan ilmunya. Al-Taftazani mempunyai ramai teman ilmuwan yang hidup sezaman dengannya pada waktu itu seperti Imam al-Isnawi, Ibn Kathir, Taj Al-Din al-Subki, Ibn al-Muhibb al-Samit, Burhan al-Din Ibn Jama'ah, al-Zarkasyi dan ramai lagi. Menurut pandangan Dr. 'Abd Allah 'Ali al-Mala, Sa'ad al-Taftazani berada pada liganya yang tersendiri berbanding tokoh-tokoh lain pada waktu itu kerana mereka mengkhusus pada 4 ilmu yang utama iaitu hadis, tafsir, fekah dan 'akidah, manakala al-Taftazani pula mengkhusus *ilm al-kalam, usul al-feqh, ilm al-mantiq* dan *al-balaghah*.<sup>11</sup>

Al-Taftazani mempunyai kepakaran yang paling menonjol dalam bahasa Arab dan akidah, tetapi beliau juga mampu untuk menghasilkan dalam pelbagai bidang yang lain. Karya-karya yang dihasilkan oleh beliau adalah *Sharh al-Tasrif al-Zanjani, Al-Irsyad al-Hadi fi al-Nahw. Sharh Al-Mutawwal 'ala Talkhis al-Miftah. Al-Sharh al-Mukhtasar 'ala Talkhis al-Miftah, Sharh Qism al-Thalith min Miftah al-'Ulum, Al-Talwih ila Kashf Haqa'iq al-Tanqih, Hashiah 'ala Sharh 'Adad al-Din al-Iji 'ala Mukhtasar al-Muntaha li Ibn al-Hajib, Al-Fatawa al-Hanafiyah, Al-Miftah*<sup>12</sup>*Mukhtasar Sharh Talkhis al-Jami' al-Kabir Hashiah 'ala al-Kasyaf al-Zamakhshari, Kashf al-Asrar wa 'Uddah al-Abrar, Sharh al-Taftazani 'ala al-Ahadith al-Arba'in al-Nawawi, Sharh al-Risalah al-Shamsiyah. Tahdib al-Mantiq wa al-Kalam. Sharh al-'Aqa'id al-Nasafiyah. Al-Maqasid. Sharh al-Maqasid.*

---

<sup>11</sup> 'Abd Allah 'Ali Husyan al-Mala, *al-Taftazani*, 1 : 203.

<sup>12</sup> Ia merupakan karya berkaitan fekah al-Shafi'i dan ditulis pada tahun 777H/1375M. Ia dinamakan juga sebagai *Miftah al-Feqh*, tetapi al-Taftazani memanggilnya dengan "*al-Miftah*". Dikatakan al-Taftazani tidak dapat menyempurnakan karya ini kerana terlebih dahulu dijemput ke sisi-Nya. Manuskripnya berada di Perpustakaan Berlin di bawah nombor 4604.



### *Sharh13 al-Taftazani 'Ala al-Ahadith al-Arba'in al-Nawawiyyah*

Karya ini merupakan salah satu daripada karya al-Taftazani dan ia merupakan huraian kepada *al-Arba'in al-Nawawiyyah*. Ia telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh seorang penulis sufi Nusantara yang terkenal iaitu Sheikh 'Abd al-Rauf Singkel. Terjemahan ini diberi tajuk *Sharh al-Latif* yang dihasilkan pada kurun ke 17M, dianggap sebagai karya *sharh al-hadith* yang pertama di Nusantara dan mempunyai kecenderungan tasawwuf. Ini bukanlah sesuatu yang mengejutkan kerana Sheikh 'Abd al-Rauf Singkel sendiri merupakan tokoh tasawwuf yang terkenal pada waktu itu. Sheikh 'Abd al-Rauf Singkel dipetik berkata dalam karyanya :

Telah berkata fakir yang berpegang kepada Allah Raja Yang Amat Nyata iaitu Syeikh Abd Rauf anak Ali. Ini suatu syarah yang latif atas empat puluh hadis bagi karangan Imam Nawawi telah dikasih Allah Taala jua kiranya akan dia. Telah kupilih kebanyakannya daripada syarah Sheikh Sa`d al-Din al-Taftazani *rahmatullah `alayh*. Dan telah kujadikan ia dengan bahasa jawi Pasai.

Karya ini telah disenaraikan oleh al-Haji Khalifa di dalam *Kashf al-Zunun* sebagai salah satu karya *al-Arba'in*, namun setelah diteliti, ia sebenarnya lebih kepada karya syarah bagi *al-Arba'in al-Nawawiyyah*.

Terdapat beberapa keistimewaan yang boleh dilihat pada karya ini :

- a. Ia merupakan salah satu daripada karya *sharh* bagi *al-Arba'in al-Nawawiyyah* yang banyak menumpukan kepada nilai tasawwufnya. Ia memberikan dimensi yang berbeza berbanding karya-karya *sharh* yang lain.
- b. Kebanyakan tokoh yang dijadikan rujukan merupakan tokoh-tokoh yang berkaliber dalam bidang tasawwuf.
- c. Pengarangnya banyak menukilkan pendapat-pendapat dari tokoh-tokoh bahasa serta ulasan-ulasannya juga banyak menjurus ke arah itu.
- d. Pengarang juga banyak menyentuh tentang isu-isu akidah yang dirasakan amat penting untuk difahami.

---

<sup>13</sup> *Sharh* berasal dari perkataan “*sharaha*” dan “*sharraha*”. *Sharaha* ini jika disandarkan kepada perkara ia membawa makna “*as'ahu*” iaitu meluaskannya. Sekiranya disandarkan kepada perkataan, ia membawa makna “*fa sarrahu*” iaitu mejelaskannya. Sila lihat Dr. Nasir Sayyid Ahmad et.all, *al-Mu'jam al-Wasit* (Beyrut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 2008), 326-327.



- e. Metod *sharh* juga menarik kerana pengarang bijak menggunakan gaya dan stail yang menarik minat pembaca seperti memberi kesimpulan terhadap perbincangan yang panjang, memberikan pengajaran terhadap perbincangan yang mendalam, membuat penjelasan tambahan kepada isu lain yang berkaitan dengan isu utama serta memberi penekanan terhadap isu-isu penting yang perlu difahami oleh pembaca.
- f. Berdasarkan kepada huraian pengarang, karya ini dapat digolongkan dalam karya *sharh al-Arba 'in al-Nawawiyyah* yang agak besar saiznya.

## TOK PULAU MANIS DAN HIKAM MELAYU

### *Biodata Tok Pulau Manis*

Tok Pulau Manis Pulau Manis atau nama sebenarnya Syeikh ‘Abd al-Malik bin ‘Abd Allah adalah berketurunan pendakwah dari Baghdad yang merupakan antara pendakwah yang terawal datang ke Terengganu.<sup>14</sup> Menurut catatan yang tertulis di makam beliau, tahun kelahirannya adalah pada 1678M/1089H dan meninggal pada pada 1736M/1149H.<sup>15</sup>

Sepanjang bergelumang dengan ilmu pengajian lebih dari 20 tahun, Tok Pulau Manis telah berguru dengan ramai tokoh-tokoh hebat, sama ada di peringkat awal pengajiannya atau di peringkat yang lebih tinggi. Antara guru-guru beliau adalah seperti bapanya sendiri Syeikh ‘Abd Allah bin Syeikh ‘Abd al-Qahar, Syeikh ‘Abd al-Rauf Singkel, Syeikh Ibrahim al-Kurani dan Syeikh Ahmad al-Qusyasyi. Manakala murid-muridnya pula adalah sangat ramai bertebaran di setiap pelosok Nusantara dan meneruskan pula legasi beliau mengajar dan mendidik masyarakat di tempat masing-masing.

Jasa Tok Pulau Manis bukan sekadar sebagai pengasas kepada pengajian Islam di Terengganu dan peranan besar yang dimainkan berkaitan dengan sistem pentadbiran negeri dan pelaksanaan undang-undang Islam di Terengganu, bahkan dengan penghasilan karya-karya yang hebat seperti Hikam Melayu, *Kitab Kifayah*, *Risalah al-Naql* dan *Risalah Kaifiyyah al-Niyyah*.

---

<sup>14</sup> Abdul Karim bin Ali, Zurita binti Mohd Yusoff dan Hasanuddin bin Mohd, “Shaykh ‘Abd Malik bin ‘Abdullah dan Pengaruhnya Terhadap Kehidupan Masyarakat Terengganu Pada Akhir Abad ke-17 hingga Awal Abad ke-18”, *Jurnal al-Tamadun* (Bil.8 1/2013), 2.

<sup>15</sup> Abdul Karim bin Ali, Zurita binti Mohd Yusoff dan Hasanuddin bin Mohd, “Shaykh ‘Abd Malik bin ‘Abdullah”, 4.



Kegiatan atau sumbangan Tok Pulau Manis ini dapat dilihat pada tiga aspek, iaitu penubuhan institusi pondok yang menjadi asas kepada perkembangan pengajian Islam di Terengganu, penghasilan karya-karya agama yang menjadi rujukan ramai dari dahulu hingga sekarang dan peranannya sebagai penasihat agama kepada Sultan Terengganu pada waktu itu. Aktiviti pengajian dan pengajaran, secara aktifnya beliau lakukan semasa berada di tanah suci Mekah lagi. Beliau mempunyai kedudukan yang tinggi sebagaimana ulama-ulama Jawi yang lain seperti Syeikh Daud al-Fatani, Syeikh ‘Abd al-Samad al-Palimbangi, Syeikh Nawawi Banten dan lain-lain. Disebabkan minatnya yang mendalam terhadap aliran tarekat-tasawuf, beliau memilih untuk mengajar karya-karya hasil Imam al-Ghazali dan Ibn ‘Ata’illah sendiri.

Tok Pulau Manis dikatakan telah pulang ke tanah air sekitar pertengahan tahun 1690-an sewaktu usianya 40 tahun dan dianggap sebagai antara orang terawal yang bertanggungjawab memperkenalkan sistem pengajian pondok dan tradisi pengajian Islam di Terengganu<sup>16</sup>. Tok Pulau Manis memulakan sistem pendidikannya di Pulau Manis pada pertengahan kurun ke 18. Beliau menggunakan kaedah yang sama sebagaimana kaedah pengajaran di Masjidil Haram.<sup>17</sup>

#### *Hikam Melayu (Huraian al-Hikam)*

Hikam Melayu atau *Sharh al-Hikam* telah dianggap sebagai sebuah kitab tasawuf terbesar dan terawal menurut aliran al-sunnah wa al-jamaah di dalam bahasa Melayu. Secara nyatanya, tiada perselisihan atau persoalan tentang penisbahan karya ini kepada Tok Pulau Manis. Tiada penulis atau cendekiawan lain yang dikaitkan dengan karya ini. Malah fakta ini diterima oleh ulama dan penulis-penulis apabila mereka membicarakan tentang Tok Pulau Manis dan kitabnya itu. Ia malah dianggap sebagai kitab asas yang digunakan oleh sebahagian besar pengamal tarekat dan pelajar serta penyelidik.

*Abdul Malik bin Abdullah of Pulau Manis, Terengganu, made the first Malay translation of the Hikam in seventeenth century. His Kitab Hikam Melayu was*

---

<sup>16</sup> Mohd Koharuddin bin Mohd Balwi, “Tradisi Keilmuan Dalam Tamadun Melayu di Nusantara”, *Jurnal Kemanusiaan* (Fakulti Pengurusan, Universiti Teknologi Malaysia, Bil.3), 54.

<sup>17</sup> Memandangkan pendidikan yang diperolehi oleh ulama-ulama yang mengasaskan pondok ini diperolehi di Makkah, ia terbuti amat mempengaruhi pola dan kaedah yang digunakan di pondok-pondok ini walaupun terdapat sedikit penyesuaian daripada aspek fizikalnya bagi memenuhi keperluan tempatan. Sila lihat Mohammad Redzuan Othman, “Masjidil Haram dan Peranannya Dalam Perkembangan Awal Pendidikan dan Intelektualisme Masyarakat Melayu”, *Jurnal Usuluddin* (Bilangan 13, Jun 2001),73,



*probably the basis of Raymond LeRoy Archer's English translation of the Hikam (the core of his dissertation titled Muhammadan Mysticism in Sumatra). Archer used "Allah SWT Sumatran manuscript", but does not name its author. He describes the Hikan as one of the principals texts used by the teachers of Sufism in Sumatra, which is still the case. The kitab Hikam and its commentaries (Sharh Hikam) can be found in most tarekat centres. In addition, almost every night market of Sumatra and Java offers inexpensive Indonesian editions for sale.*<sup>18</sup>

Kitab Hikam Melayu ini telah digunakan oleh Tok Pulau Manis sebagai bahan pengajaran beliau semenjak di tanah suci Mekah lagi dan sehingga kembalinya beliau ke Terengganu. Ia merupakan teks syarah melayu kepada karya induk iaitu *al-Hikam* karya Ibn 'Ata' Allah al-Sakandari.<sup>19</sup> *Al-Hikam* karangan asal Ibn 'Ata'illah ini membincangkan tentang pandangan rohani tarekat *al-Syadhiliyyah* yang diasaskan oleh Abu Hasan al-Syadhili (m.656/1258M).

Di Alam Melayu, Hikam Melayu karangan Tok Pulau Manis adalah merupakan persuratan sunni terawal yang ditulis secara syarah yang lengkap dan panjang serta tersebar luas di rantau tersebut terutama selepas malapnya pengaruh aliran tasawuf *wujudhiyyah* yang berkembang subur di Aceh. Kelahiran Hikam Melayu bolehlah dianggap berperanan bagi memenuhi kekosongan karya-karya tasawuf sunni yang sebelumnya merupakan sebagai alternatif bagi pelajar-pelajar tasawuf selepas karya-karya falsafah *wujudhiyyah* dianggap menyeleweng.<sup>20</sup>

Kelebihan dan keistimewaan Hikam Melayu sekiranya dibandingkan dengan karya-karya tasawuf yang lain adalah kerana ia membawa satu bentuk penulisan yang baru. Ia bukanlah berbentuk puisi sebagaimana yang dilakukan oleh Hamzah Fansuri. Ia juga bukan berbentuk prosa biasa tetapi ia adalah berbentuk *hikam* yang membawa pemikiran mendalam dengan susunan bahasa yang indah dan menawan. Karangan berbentuk syarah itu merupakan corak baru yang diberi ulasan dan rujukan secara ilmiah, jauh mengatasi corak syarah yang dilakukan oleh Shamsuddin al-Sumaterani terhadap puisi *ruba'i* gurunya, iaitu Hamzah Fansuri. Kandungan Hikam Melayu

---

<sup>18</sup> Sri Kuhnt-Saptodewo, Volker Grabowsky and Martin GroBheim, *Nationalism and Cultural Revival in Southeast Asia : Perpsectives from the Centre and Region* (Wiesbaden, Germany : Otto Harrassowitz, 1997), 179.

<sup>19</sup> *al-Hikam* dalam Bahasa Arab bermaksud "kearifan". Maka isi kandungannya adalah ajakan kepada kearifan dan kebijaksanaan. Ia merupakan karya agung dan monumla dalam ilmu tasawuf. Isinya adalah tentang arahan dan nasihat keagamaan, ajakan kepada kebaikan, ketabahan dan ketahanan diri. Isinya singkat tapi padat. Gaya penulisannya tidak biasa dan lebih tepat kitab ini disebut sebagai kumpulan kata-kata bijak. Karya ini telah dihuraikan oleh ramai penulis melebihi 55 kali. Sila lihat Abdul Kadir Riyadi, *Arkeologi Tasawuf*, 185-186.

<sup>20</sup> Shafie bin Abu Bakar, "Hikam Melayu : Kajian Falsafah dan Etika" (Tesis Kedoktoran, Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, UKM, Bangi, 1990), xx





yang istimewa itulah sebenarnya yang memperkukuhkan kedudukannya di dalam persuratan tasawuf berbahasa Melayu.<sup>21</sup> Semenjak pondok pengajian Tok Pulau Manis menggunakan karya ini kitab utama, ia terus dipelajari, ditelaah dan dihadami oleh penuntut dan masyarakat setempat sehinggalah sekarang.

## **ANALISIS HURAIAN SUFISTIK OLEH AL-TAFTAZANI DAN PERBANDINGAN DENGAN PENDEKATAN TOK PULAU MANIS**

### *Huraian al-Taftazani*

Walaupun tasawuf ini seringkali dikaitkan dengan perkara bidaah, namun al-Taftazani menyatakan dengan jelas bahawa kedudukan manusia yang paling tinggi adalah yang mendekati dirinya dengan sunnah Nabi, manakala yang paling hina adalah yang mengaitkan diri mereka dengan perkara bidaah. Ini dapat dilihat apabila beliau menghuraikan hadis ke ini: 22

عَنْ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ أُمِّ عَبْدِ اللَّهِ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: مَنْ أَحْدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ، فَهُوَ رَدٌّ (رواه البخاري ومسلم. وفي رواية لمسلم من عمل عملا ليس عليه أمرنا فهو رد).

Maksudnya : Daripada Ummu al-Mukminin Ummu Abdullah 'Aisyah r.a. beliau berkata: Rasulullah SAW telah bersabda : Barangsiapa yang mengada-adakan sesuatu perkara yang baru (bidaah) dalam urusan(agama) kami ini, amalan yang bukan bahagian daripadanya, maka ia tertolak.

Al-Taftazani memulakan huraianya dengan menekankan tentang *al-'urwah al-wuthqa*. Kata beliau : Hadis ini adalah galakan supaya berpegang dengan *al-'urwah al-wuthqa* dan berpegang pada tali Allah yang paling tinggi, menolak semua perkara bidaah dan hawa nafsu. Beliau kemudiannya menggambarkan pendiriannya itu dengan membawakan syair berikut :

Tiada nur kecuali pada hadis dan ahlinya,  
Apabila bergoncang seseorang itu pada malam yang gelap,  
Orang yang paling tinggi sekali adalah orang yang nisbah dirinya pada sunnah Nabi,

---

<sup>21</sup> Shafie bin Abu Bakar, "Hikam Melayu", xxi.

<sup>22</sup> al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Sulh, Bab Idha Istalahu 'ala Sulh Jawr fa al-Sulh Mardud, hadis no.2697, 214. Lihat juga Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab al-Aqdiyah, Bab Naqd al-Ahkam al-Batilah Warada Muhaddithat al-Umur, hadis no.4492, 982.





Orang yang paling buta adalah orang yang nisbah dirinya pada bid'ah.

Beliau menjelaskan bahawa manusia mempunyai dua sisi yang sering berlumba-lumba untuk menang : sisi kebaikan dan sisi keburukan. Hanya dengan bimbingan dari Rasulullah SAW sahajalah yang akan memenangkan sisi kebaikan itu. Maka, untuk mencari kebaikan, hanya berpegang dengan sunnah Nabi dan hadisnya sahajalah jalan yang paling benar.

Beliau menulis lagi : “Kemudian, ketahuilah bahawa manusia ini mempunyai ruh nurani di alam *al-malakut* dan juga kegelapan diri. Setiap satunya berselisih antara satu sama lain maka kerana itulah tujuan diutuskan nabi adalah untuk membersihkan diri dari sifat-sifat yang gelap dan menghiasinya dengan cahaya ruh sehingga tertulis di dalamnya wujud yang hakiki iaitu zat Allah Taala dan sifat-Nya dan perbuatan-Nya. Maka wajib bagi setiap hamba untuk mengetuk kejahatan diri itu dengan kalimah tauhid sehingga benar-benar beriman kepada Allah Taala dan mengkufurkan taghut. Tiada lagi yang wujud, hanya kewujudan Allah Taala yang Esa. Ini adalah agama yang hanif. Sesiapa yang mereka-reka sesuatu yang terkeluar dari agama ini, menggambarkan mereka seolah-olah syaitan dan telah berputus asa dengan kebenaran. Orang sebegini telah menggantungkan hatinya kepada yang selain dari Allah dan tidak boleh melepaskan diri dari kegelapan, maka perbuatan beliau itu adalah tertolak dan yang dia ikuti hanyalah syaitan yang direjam.”

Penekanan ini telah diperlihatkan lagi sekali di dalam Hadis 28 : Komitmen dengan Sunnah dan Menjauhi Bidaah. Hadis yang dimaksudkan adalah :

عَنْ أَبِي نَجِيحٍ الْعَرَبِيَّ بْنِ سَارِيَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: وَعَظَنَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ مَوْعِظَةً وَجَلَّتْ مِنْهَا الْقُلُوبُ، ذَرَفَتْ مِنْهَا الْعُيُونُ، فَقُلْنَا: يَا رَسُولَ اللَّهِ! كَأَنَّهَا مَوْعِظَةٌ وَدَعَّ فَأَوْصِنَا، قَالَ: أَوْصِيكُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ، وَالسَّمْعِ وَالطَّاعَةِ وَإِنْ تَأَمَّرَ عَلَيْكُمْ عَبْدٌ، وَإِنَّهُ مَنْ يَعِشْ مِنْكُمْ فَسَيَرَى اخْتِلَافًا كَثِيرًا، فَعَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهْتَدِينَ، عَضُوا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِدِ، وَإِيَّاكُمْ وَمُحَدَّثَاتِ الْأُمُورِ؛ فَإِنَّ كُلَّ بَدْعَةٍ ضَالَّةٌ (رواه أبو داود والترمذي).

Maksudnya : Rasulullah SAW menasihati kita dengan nasihat perpisahan yang menggetarkan hati dan membuatkan air mata jatuh bercucuran. Kami bertanya: “Wahai Rasulullah, nasihat itu seakan-akan nasihat yang terakhir, oleh itu berilah kami wasiat.” Nabi SAW bersabda: “Saya memberi wasiat kepadamu agar tetap bertakwa kepada Allah ‘Azza wa Jalla, mendengar dan taat walaupun yang mempertahankanmu adalah seorang hamba. Sesungguhnya, sesiapa antara kamu masih hidup nescaya bakal menyaksikan banyak perselisihan. Kerana itu, berpegang teguhlah kepada sunnahku dan sunnah Khulafa al-Rasyidin yang lurus. Dan berpeganglah kepada sunnah-



sunnah itu dengan kuat dan jauhilah olehmu akan hal-hal baru yang diada-adakan (bidaah) kerana sesungguhnya semua bidaah itu sesat. 23

Al-Taftazani menghuraikan tentang ciri-ciri *firqah* yang betul, iaitu satu *firqah* yang benar berbanding 69 *firqah* yang lain. *Firqah* yang benar itu mempunyai zahir yang dinamakan sebagai syariat iaitu sesuatu yang disyariatkan kepada orang awam. Ia juga mempunyai batin yang dinamakan sebagai *tariqah*, iaitu satu manhaj bagi golongan yang khusus. Ia juga mempunyai *khulasah* yang dikhususkan dengan hakikat iaitu tangga kepada golongan yang paling khas. Yang pertama (zahir) adalah bahagian badan untuk berkhidmat, yang kedua (batin) adalah bahagian hati untuk ilmu, makrifat dan hikmah dan yang ketiga (khulasah) adalah bahagian untuk ruh untuk *al-musyadah* dan *al-ru'yah*.

Al-Taftazani seterusnya memetik kata-kata al-Qushayri : Syariat adalah iltizam untuk '*ubudiyah* kepada Allah Taala dan hakikat adalah untuk *al-musyadah* kepada Allah Taala. Setiap syariat yang tidak bersandarkan kepada hakikat adalah sesuatu yang tidak boleh diterima dan setiap hakikat yang tidak diikat dengan syariat tidak akan berhasil. Maka syariat berdiri dengan apa yang dituntut dan hakikat pula melihat apa yang ditentukan, apa yang ditakdirkan, apa yang tersembunyi dan apa yang zahir. Syariat juga mewajibkan manusia untuk patuh kepada Allah Taala dan hakikat syariat adalah dari sudut manusia itu mengenal Allah Taala, mewajibkan dia mengikut perintah-Nya.

#### *Konsep Bidaah di dalam Hikam Melayu*

Tidak banyak ditemui perbincangan tentang perkara bidaah di dalam huraian Tok Pulau Manis terhadap *al-Hikam*. Terdapat beberapa tempat di mana beliau mengaitkan bidaah ini sebagai dengan bentuk amalan yang mempersekutukan Allah Taala ; "Melakukan perkara bidaah dalam agama adalah seumpama menyekutukan Allah Taala di dalam akidah. Menyekutukan Allah Taala dalam konteks amal ibadah adalah seperti melakukan amalan tetapi disertai bersamanya riyak dan shahwat. Tok Pulau Manis menukilkan pendapat seorang sufi yang berkata : "Yang memberi afiat (sihat yang sempurna) itu ada 4 perkara : Pertama : Agama tanpa bidaah; Kedua :

---

<sup>23</sup> Abi Daud Sulaiman bin al-Asy'ath bin Ishaq al-Azdi al-Sijistani (2000), *Sunan Abi Daud*, Kitab al-Sunnah, Bab Luzum al-Sunnah, hadis no.4607 (Saudi Arabia : Dar al-Salam, 2000),1561. Lihat juga al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, Abwab al-'Ilm, Bab Ma Ja'a fi al-Akhdh bi al-Sunnah wa Ijtinab al-Bid', hadis no.2678, 1921.



Amal tanpa kebinasaan (kerusakan); Ketiga : Hati tanpa kesibukan; Keempat : Nafsu tanpa syahawat.”<sup>24</sup>

Tok Pulau Manis juga menghuraikan ilmu tasawuf sebagai satu dari ilmu yang bermanfaat dengan mengaitkannya dengan imbalan antara tasawuf dan ilmu fekah. Beliau berkata : “Peringatan penting : Seorang kamil berkara : “Ilmu fikah itu adalah am dalam umumnya, kerana ia membawa maksud mendirikan tanda agaman dan menzahirkan kalamnya (perkataannya). Sedangkan ilmu tasawuf itu ialah khas dalam khususnya, kerana ia membawa maksud muamalah antara hamba dan Tuhannya, yang bererti hanya Dia saja. Sehubungan dengan itu, memang sahlah orang fikih mengingkari orang sufi dan tidak ada sebaliknya. Namun tasawuf tetap merujuk kepada fiqah dalam segala hukum-hakam dan hakikat (ilmu). Dan sememangnya sah tasawuf memadai dengannya sahaja, tiada yang lain dan tidak cukup (lengkap dan sempurna) tasawuf tanpa fikah. Justeru itu lah mereka (orang-orang sufi yang kamil) berkata : “Jadilah orang fiqih yang sufi dan janganlah anda menjadikan sufi fiqih itu lebih sempurna daripada fiqih sufi.”<sup>25</sup>

#### *Analisis Huraian al-Taftazani dan Pendekatan Tok Pulau Manis berkaitan perkara Bidaah*

##### a) *Al-‘urwah al-wuthqa* penghalang kebatilan

Satu perkara yang menarik adalah pilihan al-Taftazani menggunakan perkataan ‘*al-‘urwah al-wuthqa*’ sebagai tali Allah Taala yang akan menolak semua perkara bidaah dan hawa nafsu. Al-Taftazani mengaitkan tugas para Nabi adalah untuk membantu manusia memenangi pertembungan antara kebaikan dan keburukan. Namun begitu, istilah ini tidak dijumpai di dalam Hikmah Melayu oleh Tok Pulau Manis tetapi konsep Sunnah Nabi sebagai perkara yang

---

<sup>24</sup> Huraian terhadap Hikmah 90 : كَمَا لَا يُحِبُّ الْعَمَلُ الْمُشْتَرَكُ كَذَلِكَ لَا يُحِبُّ الْقَلْبُ الْمُشْتَرَكُ . الْعَمَلُ الْمُشْتَرَكُ لَا يَقْبَلُهُ وَالْقَلْبُ الْمُشْتَرَكُ لَا يُقْبَلُ عَلَيْهِ

Maksudnya : “Padahal mereka tidak disuruh melainkan supaya menyembah Allah Taala dengan ikhlas (mengikhhlaskan ketaatan kepadaNya. Amal perbuatan yang dipersekutukan itu tidak akan diterima (ditolak) oleh Allah Taala, dan hati yang disekutukan tidak menghadap kepada-Nya (tidak akan ditengok oleh Allah Taala) kerana Dia tidak menyukai ada yang lain selain Dia.”

<sup>25</sup>Huraian terhadap Hikmah 223 : الْعِلْمُ النَّافِعُ هُوَ الَّذِي يَنْبَسِطُ فِي الصَّدْرِ شُعَاعَهُ، وَيُنْكَشِفُ بِهِ عَنِ الْقَلْبِ قَنَاعَهُ

Maksudnya : “Ilmu yang bermanfaat ialah ilmu yang paling hampir sinar cahaya dalam hati, lalu tersingkaplah hakikat dunia dan akhirat, dan tersingkaplah pula tabir kegelapan hati yang menghalangnya daripada faham (sehingga tidak ada lagi keraguan dan pertanyaan).”



membersihkan diri manusia dari sifat-sifat gelap dan menghiasinya dengan cahaya Ruh adalah jelas.

Istilah *al-urwah al-wuthqa* ini digunakan oleh Syeikh ‘Abd al-Qadir al-Jailani berdasarkan ayat al-Quran di bawah :26

فَقَدْ آسَسْتُمْ سَكَ بِالْغُرُوبَةِ وَالْأَوْثَقِي ... ٢٥٦

Maksudnya : Maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada buhul tali yang amat kuat yang tidak akan putus.

Beliau di dalam karyanya *al-Fath al-Rabbani wa al-Fa'id al-Rabbani* menggambarkan manusia yang enggan berpegang dengan *al-urwah al-wuthqa* ini umpama orang yang mempercayai dan mencari kekuatan makhluk, maka beliau tidak ubah seperti orang yang menggenggam air dengan tangan yang terbuka, maka dia akan memperolehi air itu walau sedikitpun.<sup>27</sup> Maka, maksud yang boleh difahami dari kata-kata Syeikh ‘Abd al-Qadir ini adalah kekuatan yang diperolehi dari keyakinan terhadap Allah Taala. Kekuatan yang diperolehi dengan mencari ilmu kerana Allah Taala, setelah itu diamalkan ilmu itu. Ilmu adalah kehidupan, kebodohan itu adalah kematian. Setelah menuntut ilmu yang bersifat umum, dia akan menuntut pula ilmu khusus iaitu ilmu tentang hati dan batin. Sekiranya dia boleh menguasai ilmu ini, maka jadilah dia penguasa agama Allah. Ia akan memerintah, mencegah, memberi dan menolak dengan izin Tuhan-Nya. Dia bersama manusia dengan kebijaksanaan dan bersama Allah dengan ilmu. Ini dinamakan sebagai hikmah.<sup>28</sup>

Dapat difahami bahawa apa yang dimaksudkan dengan *al-urwah al-wuthqa* oleh al-Taftazani di dalam huraiannya adalah sama dengan apa yang disebut oleh Syeikh ‘Abd al-Qadir. Ia juga amat tepat sekali dengan hadis yang menjadi pokok perbincangan. Manusia yang mencari ilmu sebagaimana yang disarankan oleh Syeikh ‘Abd al-Qadir adalah manusia yang mempunyaiimbangan antara ilmu syariat dan hakikat, sebagaimana pendekatan huraian al-Taftazani terhadap hadis tersebut. Manusia yang mempunyaiimbangan sebegini tidak akan menerima segala bentuk kekarutan dan bidaah yang jauh daripada al-Quran dan Sunnah. Malah, mereka mempunyai hikmah yang membezakan dirinya dari segala bentuk manusia lain di akhir zaman nanti.

---

<sup>26</sup> Surah al-Baqarah (3), 256.

<sup>27</sup> Syeikh ‘Abd al-Qadir al-Jailani, *Menjadi Kekasih Allah : Wasiat dan Nasihat Kerohanian*, ter. Akmal Haji Mhd Zain (Selangor : al-Hidayah Publication, 2012), 336.

<sup>28</sup> Syeikh ‘Abd al-Qadir al-Jailani, *Menjadi Kekasih Allah*, 336.



b) Perimbangan antara Ilmu Zahir dan Batin (Ilmu Syariat dan Ilmu Hakikat/ Ilmu Syariat, Ilmu Tarekat dan Ilmu Hakikat)

Penegasan dari al-Taftazani bahawa orang yang paling tinggi kedudukannya adalah yang menisbahkan diri dengan Sunnah Nabi, manakala yang paling hina adalah “si buta” yang menisbahkan dirinya dengan perkara bidaah. Beliau sangat keras dalam isu ini sehingga menyamakan orang yang mereka-reka sesuatu yang terkeluar dari agama ini sebagai “syaitan yang telah berputus asa dengan kebenaran.”

Pegangan utama ahli tasawuf ini tidak dapat lari dari syariat Allah Taala yang meliputi al-Quran dan al-Hadis. Ia membawa mesej bahawa tasawuf dan syariat ini sentiasa terikat kuat. Beliau kemudiannya menegaskan bahawa perimbangan antara zahir (syariat) dan batin (tasawuf) ini lah nanti yang akan membezakan firqah yang benar dari yang batil pada akhir zaman ini. Firqah yang benar adalah yang mempunyai zahir iaitu syariat yang ditentukan kepada orang awam; dan batin iaitu *tariqah* yang ditentukan pada golongan yang khusus sahaja. Paling menarik adalah apabila beliau memetik kata-kata al-Qushayri : “Syariat ialah iltizam ‘*ubudiyyah*, manakala hakikat adalah *musyahadah* terhadap Allah Taala.”

Tok Pulau Manis pula tidak banyak menyentuh tentang isu bidaah di dalam huraian, namun apa yang ingin disampaikan adalah jelas; melakukan perkara bidaah bererti menyekutukan Allah Taala dalam perkara akidah, melakukan ibadah dengan riyak dan shahwat adalah menyekutukan Allah Taala dalam perkara ibadah. Secara tidak langsung juga Tok Pulau Manis menolak pandangan yang menyatakan bahawa ahli tasawuf ini adalah ahli bidaah dengan ketegasan bahawa kesempurnaan adalah agama tanpa bidaah dan amal tanpa kerosakan. Beliau sekali lagi menegaskan bahawa tasawuf ini adalah satu ilmu yang tidak menerima sebarang bentuk bidaah kerana perimbangan antara ilmu zahir dan batin ini akan memberikan impak ilmu yang lebih besar. Fekah adalah mendirikan agama dengan menzahir kalamnya, manakala tasawuf adalah muamalah hamba dengan Tuhan-Nya.

Pernyataan yang dibuat oleh al-Taftazani dan Tok Pulau Manis ini dikuatkan oleh Imam al-Qushayri dengan membuat satu saling kait di antara syariat dan hakikat, ia adalah sebagaimana berikut :29

---


<sup>29</sup> al-Qushayri al-Naysaburi, *Al-Risalah al-Qushairiyah*, 104-105.




Syariat	Hakikat
Manifestasi : <b>إِيَّاكَ نَعْبُدُ</b> Hanya kepadaMu kami menyembah	Manifestasi : <b>وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ</b> Hanya kepadaMu kami memohon pertolongan
Perintah yang harus ditetapi dalam ibadah	Kesaksian akan peranan dan ketuhanan dalam setiap sisi kehidupan.
Pengetahuan atau konsep menambah jalan menuju Allah Taala	Keabadian melihat-Nya
Datang dengan beban hukum dari Allah Taala	Sumber dari dominasi kreativiti Allah Taala.
Penyembahan makhluk terhadap Khaliq-Nya	Kesaksian makhluk akan kehadiran-Nya.
Penegakan apa yang diperintah-Nya	Kesaksian terhadap sesuatu yang telah ditentukan dan ditakdir-Nya.
Hakikat dari sisi mana kewajipan diperintahkan	Syariat dari sisi mana kewajipan yang diperintahkan bagi ahli makrifat

Jadual 2 : Perbandingan di antara Ilmu Syariat dan Ilmu Hakikat

Imam al-Qushayri menegaskan bahawa syariat dan hakikat tidak akan terpisah antara satu sama lain, setiap syariat yang kehadirannya tidak diikat dengan hakikat tidak dapat diterima dan setiap hakikat yang kewujudannya tidak dilandasi syariat tidak akan berhasil.<sup>30</sup>



<sup>30</sup> Al-Risalah al-Qusyairiyah, 104-105.



Jadual 3 : Perkaitan di antara Islam, Iman dan Ihsan

Syeikh ‘Abd al-Qadir Isa menggambarkan imbalan antara dua perkara utama ini dengan analogi solat : “Menyempurnakan pergerakan solat, perilaku zahir, iltizam dengan rukun dan syaratnya serta apa yang telah disebut oleh ulama fekah merupakan gambaran dari aspek syariah. Ia merupakan jasad solat sedang kehadiran hati bersama Allah Taala semasa solat adalah aspek hakikat. Ia merupakan roh solat.”<sup>31</sup> Hakikatnya, terdapat sangat banyak penegasan yang dibuat dalam karya-karya tasawuf tentang imbalan antara kedua-dua bentuk ilmu ini. Maka, tidak hairanlah sekiranya al-Taftazani menjadikan ia sebagai maksud utama beliau dalam menghuraikan hadis 4 ini.

## KESIMPULAN

Tidak banyak perbezaan di antara huraian al-Taftazanu dengan pendekatan Tok Pulau Manis berkaitan dengan perkara bidaah. Kedua-duanya bercakap dengan nada yang sama walaupun

---

<sup>31</sup> ‘Abd al-Qadir Isa, *Haqa’iq al-Tasawuf*, 381.





perkataannya mungkin berbeza. Satu perbezaan yang dapat dikenalpasti adalah penggunaan istilah *al-urwah al-wuthqa* yang tidak dijumpai di dalam *Hikam Melayu* oleh Tok Pulau Manis.

Ia juga menunjukkan bahawa pegangan utama ahli tasawuf ini tidak dapat lari dari syariat Allah Taala yang meliputi al-Quran dan al-Hadis walaupun mungkin ada yang melamoaui batas tetapi ia tidak menggambarkan tasawuf secara keseluruhannya. Jelas, mesej yang ingin disampaikan bahawa tasawuf dan syariat ini sentiasa terikat kuat dan perimbangan antara zahir (syariat) dan batin (tasawuf) ini lah nanti yang akan membezakan firqah yang benar dari yang batil pada akhir zaman ini.

## RUJUKAN

- Abdul Karim bin Ali, Zurita binti Mohd Yusoff dan Hasanuddin bin Mohd, “Shaykh ‘Abd Malik bin Abdullah dan Pengaruhnya Terhadap Kehidupan Masyarakat Terengganu Pada Akhir Abad ke-17 hingga Awal Abad ke-18”, *Jurnal al-Tamadun* (Bil.8 1/2013), 2.
- Ahmad bin Muhammad bin ‘Ajibah al-Hasani, *Lebih Dekat Kepada Allah : Jangan Asal Beriman*, terj. Abdul Halim (Bandung : Pustaka al-Hidayah).
- Al-Shawkani, *al-Badr al-Tali‘ bi Mahasin man Ba‘d al-Qarn al-Sabi‘* (Beirut : Dar Ibn Kathir, 2006).
- Al-Suyuti, *Bughyah al-Wu‘ah fi Tabaqat al-Lughawiyin wa al-Nuhah*, ed. Muhammad Abu al-Fadl Ibrahim, cet.2 (Beirut: Dar al-Fikr, 1979).
- Ibn al-‘Imad, *Shadharat al-Dhahab fi Akhbar man Dhahab*, ed. Mahmud al-Arna‘ut (Beirut: Dar Ibn Kathir, 1992).
- Ibn Hajr al-‘Asqalani, *al-Durar al-Kaminah fi A‘yan al-Mi‘ah al-Thaminah*, cet.2 (India : Da‘irah al-Ma‘arif al-‘Uthmaniyyah, 1972).
- Ibn Hajr al-‘Asqalani, *Anba‘ al-Ghumar bi Abna‘ al-‘Umr fi al-Tarikh*, ed. Dr. Muhammad ‘Abd al-Ma‘id Khan, cet.2, Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Lubnan, 1986).
- Isma‘il Basha al-Baghdadi, *Hadiyyah al-‘Arifin Asma‘ al-Mu‘allifin wa Athar al-Muthannifin* (Beirut : Dar Ihya‘ al-Turath al-‘Arabi, Lubnan, 1951).
- Mohammad Redzuan Othman, “Masjidil Haram dan Peranannya Dalam Perkembangan Awal Pendidikan dan Intelektualisme Masyarakat Melayu”, *Jurnal Usuluddin* (Bilangan 13, Jun 2001).
- Mohd Koharuddin bin Mohd Balwi, “Tradisi Keilmuan Dalam Tamadun Melayu di Nusantara”, *Jurnal Kemanusiaan* (Fakulti Pengurusan, Universiti Teknologi Malaysia, Bil.3).
- Nasir Sayyid Ahmad et.all, *al-Mu‘jam al-Wasit* (Beirut : Dar Ihya‘ al-Turath al-‘Arabi, 2008).
- Sa‘ad al-Din al-Taftazani, *Sharh al-Maqasid*, ed. Dr. ‘Abd al-Rahman ‘Amirah ( Beirut : ‘Alah al-Kutub, 1998).
- Shafie bin Abu Bakar, “*Hikam Melayu : Kajian Falsafah dan Etika*” (Tesis Kedoktoran, Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu,UKM, Bangi, 1990).



- Sri Kuhnt-Saptodewo, Volker Grabowsky and Martin GroBheim, *Nationalism and Cultural Revival in Southeast Asia : Perpsectives from the Centre and Region* (Wiesbaden, Germany : Otto Harrassowitz, 1997).
- Syeikh ‘Abd al-Qadir al-Jailani, *Menjadi Kekasih Allah : Wasiat dan Nasihat Kerohanian*, ter. Akmal Haji Mhd Zain (Selangor : al-Hidayah Publication, 2012), 336.
- Tash Kabari Zadah, *Miftah al-Sa’adah wa Misbah al-Siyadah fi Mawdu‘at al-‘Ulum* (Beyrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1985).
- Umar Reda Kahalah Mu’jam al-Mu’allifin Tarajim Musannifi al-Kutub al-‘Arabiyyah (Beyrut: Maktabah al-Mathna, Dar Ihya’ al-Turath, t.t).
- Yusuf bin Taghr Barda al-Atabaki, al-Manhal al-Safi wa al-Mustawfa Ba’d al-Wafa, ed. Dr. Nabil Muhammad ‘Abd al-‘Aziz (ttc: Markaz Tahqiq al-Turath, 1988).